

TARIKH: 13/12/23
SURAT KHABAR: Berita Harian.
MUKA SURAT: 20



Ismail (kiri) bersama Syed Hussian (tiga dari kanan) dan Muhammad Izuan (tiga dari kiri) menyempurnakan serahan kepada Roslina di Kota Damansara, Petaling Jaya, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

PERKESO sampaikan faedah kepada keluarga kakitangan TV3

Petaling Jaya: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyampaikan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Faedah Pencen Penakat (FPP) kepada keluarga juruteknik audio TV3, Azman Hasan yang meninggal dunia akibat serangan jantung pada 27 November lalu.

Pengarah PERKESO Selangor, Ismail Abi Hashim, berkata serahan dilakukan kepada balu Allahyarham, Roslina Ramli, 45, yang perlu menyara lima anak berusia enam hingga 19 tahun.

Beliau berkata, pembayaran dilakukan hasil tindakan pantas Skuad Prihatin PERKESO (SPP) yang membuat semakan dengan majikan Allahyarham, iaitu Me-

dia Prima Berhad (MPB).

“Waris layak menerima FPM berjumlah RM2,000 dan FPP yang mula dibayar sejak 27 November lalu untuk seumur hidup balu.

“Ia juga merangkumi wang untuk menampung perbelanjaan anak Allahyarham hingga berusia 21 tahun atau hingga anak bongsunya tamat pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT),” katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan serahan kepada balu Allahyarham di Kota Damansara, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Damansara, Muhammad Izuan Ahmad Kasim dan Pengerusi Kumpulan MPB, Datuk Seri Dr

Syed Hussian Aljunid.

Sementara itu, Roslina bersyukur dan berterima kasih atas keprihatinan PERKESO, MPB dan wakil rakyat kerana sudi menziarahi beliau sekeluarga di rumah.

“Pada mulanya, memang buntu memikirkan bagaimana kehidupan dengan anak-anak tanpa arwah kerana sudah lama tidak bekerja. Anak sulung pula menuntut di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar, Perak.

“Namun, syukur kerana ramai mengambil berat mengenai kami anak-beranak, dan sangat berterima kasih kepada PERKESO, MPB serta Yang Berhormat (YB),” katanya.

+ Berita Harian
ms 20 13/12/23